

Headline	JKM sedia ringan penderitaan Kak Bi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	162 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,974



# >JKM sedia ringan penderitaan Kak Bi

J OHOR BAHRU: Kes membabitkan seorang wanita penghidap HIV berusia 50 tahun yang terdesak melacur bagi meneruskan kehidupan tidak pernah dilaporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebelum ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor, Dr Robia Kosai berkata pelacuran bukan penyelesaian untuk mengatasi masalah kewangan sebaliknya ia mampu mengundang lebih banyak masalah pada masa depan.

"Seperti wanita yang menghidap HIV dan lanjut usia ini, dia mungkin boleh tampil ke JKM bagi menyalurkan masalah, memohon bantuan dan mendapatkan kaunseling untuk berubah.

"Saya yakin selain JKM, ramai bersedia membantu golongan seperti ini termasuk



DR ROBIA...melacur bukan penyelesaian

pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Menurutnya, hingga kini JKM masih belum mempunyai pusat perlindungan untuk golongan seperti itu sebaliknya menjalin kerjasama dengan NGO bagi menjaga kebaikan mereka.

Oleh itu, pihaknya terkilan dengan masalah wanita berkenaan yang mendakwa terdesak melacur kerana dia bebas untuk memohon

bantuan daripada JKM tanpa halangan.

"Mungkin wanita itu tidak mengetahui saluran tepat bagi memohon bantuan dan hanya hilang semangat untuk menempuh masalah serta kesulitan hidup.

"Kami akan menjalankan siasatan bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan masalah wanita terbabit dan menghulurkan bantuan sesuai kepadaannya," katanya.

Pada masa sama, menurut Robia, ini juga kes pertama dimaklumkan kepada pihaknya berkaitan pelacur berusia lanjut.

"Ia mengejutkan tetapi kami akan menghulurkan bantuan sesuai kepadaannya," katanya.

Sementara itu, Pengarah JKM Negeri Johor, Khatijah Abdullah berkata, pihaknya boleh membantu pesakit HIV yang ditimpa masalah dengan menyerahkan golongan berkenaan kepada pusat perlindungan swasta yang diselenggara NGO.